

KAJIAN PEMAKANAN BAGI IKAN BILI NANGKA
(*Upeneus sulphureus*)
DI PERAIRAN KUALA TERENGGANU

JULIANI SHAHMAD

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR
1995

ark
LP
20
FPSS
1
1995

KAJIAN PEMAKANAN BAGI IKAN BIJI NANGKA (*Upeneus sulphureus*) DI
PERAIRAN KUALA TERENGGANU

OLEH

JULAIHI SHAHMAD
(S 2615)

*Laporan Projek ini merupakan sebahagian
daripada keperluan untuk mendapatkan
Ijazah Bacelor Sains Perikanan*

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR.
1995

0200003405

1100023884

1100023884

1100023884

PENGHARGAAN

BISSMILLAHI RAHMANI RAHIM

Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Allah s. w. t. kerana dengan limpah dan kurniaNya dapatlah saya menyiapkan laporan projek ini .

Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia saya, Encik **Mohammad Zaidi Zakaria** yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjukajar yang bermanfaat dalam proses menyiapkan projek ini.

Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih saya buat En. Zainuddin Bacok, Muhamad Saini, Jalal , kakitangan makmal dan perpustakaan serta rakan-rakan seperjuangan terutama sekali Martin, Mohd. Azhar, Rosland, Hilmy & semua ahli Young Mariner dan adik-adik Diploma Perikanan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan projek ini. Jasa kalian tetap dalam ingatan dan hanya Allah yang akan membalasnya.

Teristemewa sekali buat ayahanda-bonda (*Shahmad Yon & Asma Buyu*) serta keluarga tersayang yang telah memberi dorongan dan semangat yang tidak terhingga selama pengajian di Universiti Pertanian Malaysia.

Wassalam,

Julaihi Shahmad (S 2615)
C - BU - T, MIRI . P844
1989 -1995 ♥

0200003405

ABSTRAK

Ikan biji nangka (*Upeneus sulphureus*) merupakan ikan demersal. Di Malaysia, ikan ini dikategorikan sebagai spesies komersial. Sejumlah 330 spesimen telah dianalisis kandungan perutnya. Panjang purata spesimen adalah 14.4 cm. Kajian ini dijalankan untuk menentukan kandungan perut *U. sulphureus* mengikut kumpulan saiz iaitu dari 9.0 cm hingga 19.9 cm dan sepanjang tempoh dari bulan September (1994) hingga Januari (1995). Tiga kaedah telah digunakan dalam analisis iaitu kaedah kekerapan kehadiran makanan, kaedah secara bilangan dan kaedah gravimetrik. Penunjuk kepentingan makanan (R_{Ia}) telah digunakan untuk menentukan item makanan penting yang diambil oleh spesies kajian. Item makanan yang paling disukai oleh ikan biji nangka mengikut turutan adalah kumpulan udang (56 -87%), kumpulan ikan (3.2 - 14.5%), ketam (0.8 - 11%) dan sotong (1 - 9%). Udang adalah item makanan yang dominan dan kerap dijumpai dalam perut spesies kajian. Udang diambil pada keseluruhan bulan oleh kesemua kumpulan saiz. Penambahan saiz spesimen menunjukkan kepelbagaian dalam jenis makanan yang diambil. Saiz mangsa juga bertambah dengan bertambahnya saiz pemangsa. Faktor masa (bulan) dan saiz serta kehadiran makanan dalam persekitaran berkemungkinan mempengaruhi jenis item makanan yang diambil oleh ikan biji nangka.

0200003405

ABSTRACT

The goatfish (*Upeneus sulphureus*) is a demersal fish. In Malaysia, it is categorised as a commercial species. The stomach contents of 330 specimens of *U. sulphureus* of average length 14.4 cm. The stomach contents of *U. sulphureus* were analysed according to size group from 9.0 cm until 19.9 cm, from September 1994 until January 1995. Three methods were used in the analysis, namely frequency occurrence method, numerical method and gravimetrik method. Relative Important Index (R_{Ia}) was used to determine important food items taken by the fish. The food item most favoured by the species, in order are shrimp (56 -87%), fish (3.2 - 14.5%), crabs (0.8 - 11%) and squids (1 - 9%). Shrimps were the most dominant food item, being most frequently found in the stomach of the specimens. Shrimps were taken during the whole study month by all size group. The increase in specimen size shows variability in the type of food taken. Size of the pray increased with the increase in the of the predator. Food item consumed appeared to be influenced by month, food availability and size of the fish.